



13 MAR, 2022

## MITI-KKM bincang wujudkan program vaksinasi dos penggalak sektor perkilangan, pembuatan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

# MITI-KKM bincang wujudkan program vaksinasi dos penggalak sektor perkilangan, pembuatan

**KOTA BHARU:** Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang berbincang dengan Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mewujudkan program vaksinasi pemberian dos penggalak COVID-19 kepada hampir dua juta pekerja dalam sektor perkilangan dan pembuatan di negara ini.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal ini adalah sebahagian usaha pihaknya menyokong inisiatif kerajaan untuk memastikan kesihatan rakyat lebih selamat dalam berdepan dengan penularan wabak COVID-19.

“Seperti kita sedia maklum, pekerja dari sektor perkilangan dan pembuatan merupakan antara tulang belakang kemajuan ekonomi negara.

“Saya percaya sektor ini boleh membantu kejayaan kerajaan dengan adanya



**GIMIK:** Mohamed Azmin (tiga kiri) pada gimik Majlis Pecah Tanah Rohm Wako Electronics Malaysia Sdn Bhd di Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II di Kota Nharu, semalam. — Gambar Bernama

program vaksinasi dos penggalak COVID-19, sekali gus dapat memberi situasi lebih selamat apabila sempadan negara dibuka bermula 1 April depan,”

katanya kepada pemberita selepas Majlis Pecah Tanah Rohm-Wako Electronics (Malaysia) Sdn Bhd yang turut dihadiri Menteri di Jabatan Perdana Menteri

(Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri Besar Kelantan Datuk Ahmad Yakob.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Ismail

Sabri Yaakob mengumumkan sempadan negara akan dibuka semula pada 1 April ini.

Beliau berkata langkah itu selari dengan perancangan memasuki fasa peralihan ke endemik yang akan merencanakan semula ekonomi negara secara keseluruhan khususnya industri pelancongan yang terjejas teruk akibat pandemik COVID-19.

Mengulas lanjut, Mohamed Azmin berkata apabila sempadan negara dibuka pada awal April nanti, pertumbuhan ekonomi negara akan bertambah rancak dengan penglibatan syarikat tempatan yang akan memenuhi permintaan pasaran global.

“Usaha ini akan kami teruskan dan kami mahu kerancangan ekonomi ini bukan sahaja berlaku di kawasan Lembah Klang tetapi juga di seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak,” katanya. — Bernama



13 MAR, 2022

## MITI-KKM bincang wujudkan program vaksinasi dos penggalak sektor perkilangan, pembuatan

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

MITI-KKM bincang wujudkan program vaksinasi dos penggalaksektor perkilangan, pembuatan K O T A B H A R U: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang berbincang e n g a n K e m e n t e r i a n Kesihatan (KKM) untuk m e w u j u d k a n p r o g r a m vaksinasi pemberian dos e n g g a l a k COVID-19 kepada hampir dua juta e k e r j a dalam sektor perkilangan dan pembuatan di negara ini. M e n t e r i a n Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal...